



**PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ)  
2018**



**MODUL  
3766 PERNIAGAAN  
TINGKATAN 4**



**MOHD DAUD BIN SALLEH  
YUSNIRA BINTI YUNUS  
NOR FARIZA BINTI MOHD ZAKI  
MOHD RASIMI BIN ISMAIL**

**JUHAI DAH BINTI DALDIRI  
MARLINA BINTI ZAKI  
NORAINI BINTI AHMAD MAHER  
JAMALUDIN BIN SULAIMAN**

## BAB 1

### TUJUAN PERNIAGAAN DAN PEMILIKAN PERNIAGAAN

#### Soalan Objektif

1. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan tujuan perniagaan kepada peniaga?
  - A Mewujudkan nilai faedah kepada pengguna
  - B Mengagihkan barang daripada pengeluar kepada pengguna
  - C Menjual barang dan perkhidmatan untuk mendapatkan keuntungan
  - D Menawarkan barang atau perkhidmatan untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
2. Apakah kelebihan jenis milikan perniagaan koperasi berbanding syarikat berhad?
  - A Kewujudan perniagaan kekal
  - B Tidak dikenakan cukai pendapatan
  - C Modal bertambah melalui jualan saham
  - D Liabiliti terhad kepada modal yang dilaburkan
3. Perniagaan manakah diklasifikasikan sebagai bersaiz kecil?
  - A Hospital kerajaan
  - B Loji penapis minyak
  - C Kedai gunting rambut
  - D Kilang pembuatan pakaian

4. Maklumat berikut berkaitan dengan skala perniagaan.

- Syarikat Power mengagihkan produk ke seluruh pasaran di sesebuah negara.
- Syarikat Power menggunakan strategi pemasaran berbeza dan mengeluarkan pelbagai produk untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.

Apakah skala perniagaan Syarikat Power?

- A Skala perniagaan tempatan
  - B Skala perniagaan mengikut zon
  - C Skala perniagaan mengikut daerah
  - D Skala perniagaan mengikut kebangsaan
5. Maklumat berikut berkaitan perkembangan sektor perniagaan di Malaysia.

- Sektor kedua menjadi penyumbang kepada ekonomi negara
- Galakan eksport dan mengurangkan kebergantungan barang import

Pernyataan manakah merujuk kepada situasi di atas?

- A Era selepas merdeka
- B Era 1990-an
- C Menjelang abad ke-21
- D Pada masa kini

6. Antara berikut, manakah kaedah perniagaan bagi organisasi bukan bermotifkan untung (OBBU)?
- I Potongan harga
  - II Secara percuma
  - III Jualan pada harga kos
  - IV Belian pada harga di bawah kos
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
7. Antara berikut, manakah ciri bagi milikan perniagaan secara perkongsian?
- I Beban cukai yang tinggi
  - II Pemilik melebihi 20 orang
  - III Liabiliti tidak terhad
  - IV Jangka hayat pendek
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
8. Antara berikut manakah merupakan perniagaan milikan tunggal?
- A Koperasi Melati Bersatu
  - B Firma Guaman Tan dan Gan
  - C Kedai Gunting Rambut Yoyo
  - D Syarikat Taulan Indah Berhad
9. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis rakan kongsi.

Menanggung liabiliti tidak terhad dan berhak menguruskan perniagaan

Apakah jenis rakan kongsi tersebut?

- A Rakan kongsi biasa
- B Rakan kongsi nominal
- C Rakan kongsi aktif
- D Rakan kongsi lelap

10. X ialah sejenis rakan kongsi yang tidak menyumbangkan modal tetapi membenarkan namanya disenaraikan dalam perkongsian.

Siapakah X?

- A Rakan kongsi aktif
- B Rakan kongsi berhad
- C Rakan kongsi nominal
- D Rakan kongsi lelap

11. Apakah kelebihan koperasi berbanding syarikat berhad?

- A Kadar pulangan yang tinggi
- B Pemilikan syer tidak terhad
- C Syer boleh dipindah milik
- D Tiada beban cukai

12. Apakah kekurangan syarikat awam berhad berbanding dengan syarikat sendirian berhad?

- A Menanggung liabiliti terhad
- B Kewujudan perniagaan tidak kekal
- C Penyata kewangan perlu disediakan
- D Memiliki modal yang lebih besar

13. Antara yang berikut, manakah faktor penentuan saiz perniagaan?

- I Jumlah jualan tahunan
- II Bilangan pekerja tetap
- III Jenis perniagaan diceburi
- IV Untung atau rugi yang diperolehi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14. Pernyataan manakah yang benar tentang sektor utama?

- A Aktiviti pemprosesan bahan mentah
- B Mengeksplotasi hasil sumber kekayaan bumi
- C Dikenali juga sebagai sektor sekunder
- D Perkhidmatan sukarela termasuk dalam sektor itu

15. Manakah yang merupakan cabaran perniagaan bersaiz kecil?

- A Masalah aliran tunai
- B Sukar menyediakan latihan
- C Peningkatan kemajuan teknologi
- D Undang-undang dan peraturan kerajaan

*Soalan Respon Terhadap*

1. Gambar di bawah merujuk kepada beberapa buah organisasi yang mempunyai matlamat yang sama.



- a) Apakah matlamat organisasi ini? [ 2 markah ]

---

- b) Nyatakan matlamat penubuhan organisasi seperti ini. [ 4 markah ]

i. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

iii. \_\_\_\_\_

iv. \_\_\_\_\_

- c) Apakah kepentingan keuntungan kepada Organisasi Bermotifkan Untung? [ 4 markah ]

---

---

---

---

---

2. Gambar di bawah menunjukkan dua logo perniagaan.



Jenis A



Jenis B

a) Nyatakan 2 jenis milikan perniagaan tersebut. [ 2 markah ]

---

---

b) Terangkan perbezaan bagi pemilikan perniagaan Jenis A dan B berikut. [ 4 markah ]


c) Nyatakan 2 jenis rakan kongsi dan liabiliti bagi setiap rakan kongsi [4 markah]

---

---

---

---

3. Gambar di bawah menunjukkan suatu perniagaan.



a) Kenal pasti skala perniagaan bagi perniagaan tersebut.  
Kemukakan alasan.

[ 2 markah ]

---

---

b) Jelaskan sektor perniagaan tersebut.

[ 4 markah ]

---

---

---

---

c) Apakah cabaran bagi perniagaan bersaiz besar?

[ 4 markah ]

---

---

---

---

**Soalan Terbuka**

- 1 a) Logo perniagaan berikut berkaitan dengan klasifikasi saiz sebuah perniagaan.



Jelaskan kelebihan dan kekurangan perniagaan tersebut. [ 8 markah ]

- b) Pernyataan berikut berkaitan pemilikan perniagaan.

**TH, ARB PENERAJU TERBESAR HARTANAH**

KUALA LUMPUR 29 Mac – Lembaga Tabung Haji (TH) dan Amanah Raya Berhad (ARB) mampu menjadi peneraju hartanah terbesar di negara ini berikutan terjalannya kerjasama pintar antara kedua-dua entiti itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, TH dan ARB yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang masing-masing mempunyai kelebihan tersendiri untuk membangunkan bidang tersebut.

Jamil Khir berkata, ARB berpengalaman menguruskan wasiat, amanah dan hartanah, manakala TH pula telah lama terlibat dalam pelaburan hartanah khususnya di luar negara seperti di tanah suci Mekah dan Madinah.

Melalui perjanjian itu, sebuah syarikat kerjasama ditubuhkan iaitu Abraj Sdn. Bhd. (Abraj) dengan pemilikan saham secara sama rata antara TH dan ARB.

© Utusan Melayu (M) Bhd 30/03/2010

Jelaskan kelebihan gabungan tersebut kepada kedua-dua syarikat. [ 7 markah ]





## BAB 2

### TREND SEMASA DALAM PERNIAGAAN

#### Soalan Objektif

1. Maklumat berikut berkaitan pihak kerajaan.

- Majlis Perbandaran Kuantan
- Majlis Daerah Pekan

Antara berikut, yang manakah merupakan bidang kuasa pihak tersebut?

- I Menyediakan lokasi strategik untuk aktiviti perniagaan
- II Menggalakkan pelabur asing dan tempatan
- III Menggubal undang-undang kecil perniagaan
- IV Merangka dan melaksanakan dasar-dasar pembangunan setempat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

2. Apakah peranan kerajaan dalam mengatasi masalah inflasi?

- I Dasar membeli barangan import
- II Meningkatkan kadar faedah
- III Dasar galakan pelaburan
- IV Menurunkan kadar cukai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


3. Pernyataan manakah yang menunjukkan trend pertumbuhan ekonomi yang meningkat?

- A Inflasi yang tinggi
- B Tahap guna tenaga yang tinggi
- C Kadar bunga yang tinggi
- D Kadar cukai yang tinggi

4. “Sebuah kedai butik pakaian membeli kain secara pukal dari negara Vietnam dengan kos yang rendah supaya dapat menjual dengan harga paling murah antara pesaing di pasaran tempatan.”

Analisis SWOT yang manakah terlibat dalam pernyataan di atas?

- A Kekuatan (S) dan Peluang (O)
- B Kekuatan (S) dan Ancaman (T)
- C Kelemahan (W) dan Peluang (O)
- D Kelemahan (W) dan Ancaman (T)



5. Antara berikut, yang manakah merupakan kesan perubahan aspek pasaran terhadap perniagaan?

- I Lambakan barang import
- II Peningkatan kos pengeluaran
- III Pertumbuhan ekonomi yang mampan
- IV Perubahan fesyen dan gaya hidup pengguna

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6. Apakah yang dimaksudkan dengan guna tenaga penuh?

- A Pengangguran tidak akan berlaku
- B Mesin menggantikan pekerja
- C Adanya peluang pekerjaan yang banyak
- D Kadar pengangguran pada paras 4% atau kurang

7. Pernyataan manakah berkaitan peranan SIRIM?


- A Penyelidikan dan pembangunan
- B Kemudahan infrastruktur dan ruang niaga
- C Latihan dan pengurusan
- D Promosi dan pemasaran

8. Gambar di bawah menunjukkan logo sebuah agensi kerajaan.



Apakah peranan agensi tersebut?

- A Promosi dan pemasaran
- B Latihan dan pengurusan
- C Penyelidikan dan pembangunan
- D Kemudahan infrastruktur dan ruang niaga



9. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pengangguran.

Kemahiran pekerja tidak diperlukan lagi kerana berlaku perubahan dalam industri secara keseluruhan

Apakah jenis pengangguran tersebut?

- A Pengangguran kitaran
- B Pengangguran struktur
- C Pengangguran teknologi
- D Pengangguran bermusim

10. Maklumat di bawah berkaitan dengan sejenis pelepasan cukai.

Syarikat Teguh Sdn. Bhd terlibat dalam perniagaan berasaskan bahan mentah. Syarikat mendapat pelepasan cukai disebabkan syarikat merupakan perniagaan yang berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC)

Apakah jenis pelepasan cukai yang diterima oleh syarikat tersebut?

- A Elaun pelaburan semula
- B Elaun cukai pelaburan
- C Potongan cukai
- D Taraf perintis

11. Maklumat di bawah berkaitan dengan trend perniagaan.

Trend meningkat dalam persekitaran perniagaan menunjukkan aktiviti dan operasi perniagaan semakin meningkat

Faktor dalaman manakah yang membawa kepada keadaan tersebut?

- A Jaringan perniagaan yang positif
- B Ekonomi semakin pesat
- C Pengurusan yang cekap
- D Penggunaan teknologi terkini



12. Maklumat di bawah berkaitan dengan faktor luaran yang mempengaruhi trend perniagaan.

- Masyarakat
- Ekonomi
- Pelanggan
- Politik dan perundangan
- X

Apakah X?

- A Persaingan dan jaringan
- B Teknologi maklumat
- C Gaya pengurusan
- D Sumber manusia

13. Maklumat di bawah berkaitan dengan sejenis gaya pengurusan.

- ❖ Majikan mengamalkan toleransi
- ❖ Majikan menjalin hubungan yang baik dengan pekerja

Apakah jenis gaya pengurusan tersebut?

- A Gaya pengurusan sokongan
- B Gaya pengurusan autokratik
- C Gaya pengurusan demokratik
- D Gaya pengurusan sederhana

14. Akta Y digubal oleh pihak kerajaan bertujuan untuk melarang perniagaan menggunakan hak paten perniagaan lain tanpa mendapat kebenaran.

Apakah akta Y?

- A Akta Kontrak 1950
- B Akta Hak Cipta 1987
- C Akta Syarikat 1965
- D Akta Persaingan 2010

15. Antara yang berikut, agensi manakah yang terlibat dalam membantu peniaga dalam kegiatan promosi?

- I Perbadanan Kemajuan Negeri
- II Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
- III Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM)
- IV Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

***Soalan Respon Terhadap***

1. Maklumat berikut berkaitan petikan keratan akhbar berkaitan peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

*”Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) akan memohon peruntukan RM1.2 juta daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi menyediakan satu kawasan khas untuk peniaga ‘ car boot sale’ di Taman Tas, di sini.*

*....peruntukan tersebut jika diluluskan akan dibina infrastruktur dan kemudahan lain terutama mewujudkan laluan pejalan kaki bagi memudahkan penduduk berkunjung ke tapak car boot sale.”*

*”Sumber: Dipetik daripada akhbar Harian Metro bertarikh 13/2/2017”*

- a) Selain daripada peranan dalam petikan di atas, nyatakan lain-lain peranan yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Kuantan. [ 3 markah]

---

---

---

- b) Nyatakan agensi kerajaan yang dapat membantu peniaga car boot sale dari aspek kewangan. [ 3 markah ]

---

---

---

- c) Terangkan 2 (dua) langkah kerajaan untuk mengatasi inflasi? [4 markah]

---

---

---

---

2. Dialog di bawah berkaitan gaya pengurusan.

Majikan	:	Encik Amir, sila hantar laporan projek pembinaan rumah di Pekan pada petang ini.
En. Asraf	:	Tuan, petang ini saya ada temujanji hospital, boleh saya hantar pagi esok
Majikan	:	Oh ye ke...awak sakit ke..tak mengapa lah kalau begitu..pastikan pagi esok ada ye..harap awak sentiasa sihat
En. Asraf	:	Terima kasih tuan

a) Terangkan gaya pengurusan tersebut berdasarkan grid pengurusan. [3 markah]

---

---

---

b) Jelaskan kelebihan kepada majikan yang mendapatkan sumber manusia dalaman. [3 markah]

---

---

---

c) Nyatakan strategi menggunakan SWOT. [4 markah]

---

---

---

---



3. a) Berikan maksud elemen campuran dalam konsep pemasaran. [ 2 markah ]

---

---

b) Jelaskan elemen campuran 4P di 3(a) dapat memberi kesan kepada perniagaan. [ 4 markah ]

---

---

---

---

c) Bagaimanakah Akta Hak Cipta 1987 melindungi hak semua pihak di dalam perniagaan? [ 4 markah ]

---

---

---

---

***Soalan Respon Terbuka***

1 a) Bagaimanakah deflasi memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara. [ 7 markah ]

b) Jelaskan langkah-langkah kerajaan dalam menangani masalah deflasi. [ 8 markah ]




## BAB 3

### PENETAPAN VISI, MISI DAN OBJEKTIF PERNIAGAAN

#### Soalan Objektif

1. Pernyataan manakah benar mengenai tujuan visi sebagai hala tuju perniagaan?
  - A Sasaran pencapaian jangka masa melebihi lima tahun
  - B Sasaran yang perlu dicapai secara khusus dan spesifik
  - C Memudahkan sumber diagihkan secara cekap dan berkesan
  - D Memudahkan pekerja memahami petunjuk prestasi utama (KPI) syarikat
2. Seorang pengurus yang berwibawa mampu mengerakkan perniagaannya melalui visi yang mudah dihayati oleh semua pekerjanya. Mengapakah penghayatan visi dalam organisasi perlu bagi organisasi perniagaan?
  - A Mengelak sebarang kerugian
  - B Mewujudkan pasukan pekerja yang mantap
  - C Menjalankan tugas mengikut deskripsi tugas
  - D Bekerjasama dalam satu pasukan ke arah hala tuju yang sama
3. Apakah kepentingan Titik Pulang Modal (TPM) kepada sesebuah perniagaan?
  - A Mengenalpasti tahap kerugian
  - B Mengenalpasti keuntungan syarikat
  - C Menentukan pengeluaran yang optimal
  - D Mengetahui jumlah hasil dengan jumlah kos
4. Pernyataan manakah berkaitan kos tetap dan kos berubah bagi pengusaha warung roti canai

	<b>Kos Tetap</b>	<b>Kos Berubah</b>
A	Sewa kedai	Insurans perubatan
B	Bil air	Minyak masak
C	Tong gas	Bil elektrik
D	Gaji pekerja tetap	Tepung gandum





5. Pernyataan manakah merupakan kesan kepada perniagaan yang gagal mencapai matlamat dan objektif perniagaan?
- I Sukar mendapat pinjaman bank
  - II Motivasi pekerja menurun
  - III Kualiti produk terjejas
  - IV Imej perniagaan terjejas
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
6. Manakah benar tentang objektif organisasi bermotifkan untung (OBU)?
- A Menjaga kebajikan ahli
  - B Memaksimumkan keuntungan
  - C Memenuhi keperluan dan kehendak
  - D Memberi perkhidmatan secara sukarela
7. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah organisasi.

- ✓ Sumber modal daripada pemilik sendiri, keuntungan perniagaan
  - ✓ Mengeluarkan barang dan perkhidmatan

Organisasi yang manakah sesuai dengan maklumat diatas?

- I Majlis Kanser Nasional (MAKNA)
  - II Persatuan Pengakap Malaysia
  - III Koperasi Sri Makmur Berhad
  - IV Jimat Kedai Runcit
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
8. Pernyataan manakah benar tentang organisasi bukan bermotifkan untung (OBBU)?
- A Didaftarkan dengan Pendaftaran Penubuhan Malaysia (ROS)
  - B Aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan
  - C Matlamat untuk memaksimumkan keuntungan
  - D Sumber pembiayaan daripada pemilik dan pinjaman

9. Maklumat di bawah berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Syarikat Dedalu Emas Sdn. Bhd mensasarkan pengeluaran sebanyak 50 000 unit produk pada tahun 2016. Pada akhir tahun 2016 syarikat Berjaya mengeluarkan sebanyak 45 000 unit produk sahaja.

Apakah ciri objektif yang gagal dipenuhi oleh syarikat tersebut?

- A Spesifik
  - B Boleh dicapai
  - C Jangka masa
  - D Boleh diukur
10. Antara berikut manakah rumus untuk mengira margin caruman seunit?
- A Kos berubah seunit – kos jualan seunit
  - B Kos jualan seunit – kos berubah seunit
  - C Kos tetap ÷ (harga jualan seunit – kos berubah seunit)
  - D Kos tetap – kos berubah seunit – kos jualan seunit
11. Maklumat berikut diperolehi daripada kilang kasut sukan Gill Smart.

Kos tetap RM 45 000  
Kos berubah RM100  
Harga jualan RM150

Berapakah titik pulang modal bagi pengeluaran kasut sukan?

- A 250 unit
  - B 300 unit
  - C 450 unit
  - D 900 unit
12. Antara yang berikut, manakah merupakan kos tetap pengeluaran?
- I Sewa kilang
  - II Bahan mentah
  - III Bil elektrik dan air
  - IV Gaji pekerja
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

13. Kilang Mercu D’Kopi mengeluarkan serbuk kopi dengan jumlah kos tetap RM12 000 dan kos berubah sebungkus RM2.50. Serbuk kopi tersebut dijual pada harga RM4.00 sebungkus.  
Hitung titik pulang modal bagi pengeluaran serbuk kopi tersebut.
- A 1800 bungkus
  - B 3000 bungkus
  - C 4800 bungkus
  - D 8000 bungkus
14. Mengapakah objektif sesebuah organisasi mesti selaras dengan visi dan misi?
- A Objektif dijadikan sebagai penjelasan lanjut tentang visi dan misi
  - B Pencapaian visi dan misi bergantung pada pencapaian objektif
  - C Objektif dibentuk setelah ditetapkan visi dan misi organisasi
  - D Pencapaian organisasi menggambarkan visi dan misi berjaya
15. Syarikat Alfa menguasai syer pasaran produk kesihatan sebanyak 25%, Syarikat Beta menguasai sebanyak 40%, manakala Syarikat Omega menguasai syer pasaran daripada baki yang tinggal. Sekiranya terdapat seramai 120 000 pengguna, hitung bilangan pengguna yang membeli produk kesihatan daripada Syarikat Omega.
- A 30 000 pengguna
  - B 42 000 pengguna
  - C 48 000 pengguna
  - D 78 000 pengguna

***Soalan Respon Terhadap***

1. a) Jelaskan maksud visi, misi dan objektif perniagaan. [ 3 markah ]

---

---

---

b) Terangkan ciri yang perlu ada untuk pembentukan visi. [ 4 markah]

---


---

---


---

c) Nyatakan perbezaan antara kos tetap dan kos berubah dari segi kuantiti pengeluaran dan tanggungan kos. [ 4 markah ]

<b>Dimensi</b>	<b>Kos Tetap</b>	<b>Kos Berubah</b>
Kuantiti pengeluaran		
Tanggungan kos		



2. Rajah di bawah berkaitan Titik Pulang Modal (TPM).



a) Apakah tujuan penggunaan titik pulang modal (TPM)? [ 2 markah ]

---

---

b) Jelaskan keadaan perniagaan berdasarkan rajah Titik Pulang Modal (TPM) di atas.

[ 4 markah ]

---

---

---

---

c) Nyatakan empat faktor daya saing yang menentukan kemampuan syarikat untuk kekal dalam industri. [ 4 markah ]

---

---

---

---

3. a) Nyatakan ciri-ciri objektif mengikut konsep SMART. [ 4 markah ]

---

---

---

---

- b) Pernyataan objektif sebuah syarikat ialah “*mencapai keuntungan 20% setiap tahun*”.  
Apakah ciri SMART berdasarkan objektif tersebut. [ 2 markah ]

---

---

- c) Nyatakan kesan kepada perniagaan akibat kegagalan mencapai matlamat dan objektif perniagaan. [ 4 markah ]

---

---


---

---

***Soalan Respon Terbuka***

- 1 a) Persekitaran luaran perniagaan boleh memberi kesan kepada pencapaian visi, misi dan objektif sesebuah perniagaan.  
Lakar dan jelaskan bagaimana kitaran ekonomi boleh mempengaruhi pencapaian tersebut. [ 8 markah ]

- b) Jelaskan faktor-faktor luaran selain faktor di atas yang boleh mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan. [ 7 markah ]



## BAB 4

### BAHAGIAN-BAHAGIAN FUNGSIAN UTAMA DALAM ORGANISASI PERNIAGAAN

#### *Soalan Objektif*

1. Pernyataan manakah tujuan diwujudkan bahagian fungsian.  
A Meningkatkan keuntungan perniagaan  
B Mengurangkan kos pengeluaran  
C Memastikan kelancaran aktiviti perniagaan  
D Menghasilkan produk yang berkualiti tinggi
2. Maklumat di bawah berkaitan peranan fungsian bahagian dalam sebuah perniagaan.


- Output yang dihasilkan dapat memenuhi keperluan dan kehendak pasaran
- Memastikan input berkeadaan baik dan berkualiti
- Melakukan proses transformasi input kepada output
- Pengawasan pengeluaran, utiliti mesin dan staf

Apakah bahagian fungsian berkenaan?

- A Pemasaran  
B Pentadbiran  
C Pengurusan  
D Pengeluaran
3. *Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi seperti facebook untuk menjual produk adalah salah satu aplikasi teknologi maklumat dalam perniagaan.*

Apakah kaedah aplikasi tersebut?

- A e-dagang  
B e- banking  
C e-pemasaran  
D e-government
4. Bagaimanakah interaksi perniagaan dengan agensi kerajaan membantu meningkatkan jualan?  
A Memudahkan perolehan tender kerajaan  
B Memudahkan sumbangan subsidi  
C Mudah mendapat khidmat nasihat  
D Meningkatkan keuntungan



5. Apakah hubungan interaksi antara perniagaan kecil dengan perniagaan besar dalam aspek fungsian jualan?
- A Memastikan setiap bayaran telah diterima
  - B Memudahkan perkongsian maklumat
  - C Meluaskan pasaran
  - D Membuat pinjaman

6. Pernyataan manakah yang menyebabkan struktur organisasi dibahagikan mengikut bahagian fungsian?
- A Mengetahui bilangan pekerja yang diperlukan
  - B Mengagihkan sumber kewangan dengan lebih adil
  - C Memaksimumkan kos pengeluaran setiap bahagian
  - D Memastikan ahli organisasi tahu tanggungjawab masing-masing
7. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan suatu bahagian fungsian.

<ul style="list-style-type: none"><li>✚ Menyediakan latihan dan pembangunan</li><li>✚ Mengutamakan perkhidmatan dan kebajikan pekerja</li></ul>
---

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Sumber manusia
  - B Pentadbiran dan pengurusan
  - C Teknologi maklumat dan komunikasi
  - D Kewangan dan pembiayaan
8. Antara yang berikut, manakah merupakan kepentingan pemasaran kepada organisasi perniagaan?
- A Menambah keuntungan
  - B Meluaskan pasaran
  - C Meningkatkan kecekapan
  - D Merancang pengeluaran
9. Pernyataan yang manakah benar tentang pembangunan produk?
- A Menetapkan harga ke atas produk
  - B Menjual produk lama kepada pelanggan tetap
  - C Memperkenalkan produk baharu di pasaran
  - D Menggunakan strategi baharu untuk produk baharu
10. Apakah yang akan berlaku dalam proses dekod semasa pengaliran maklumat?
- A Penerima memberikan maklum balas kepada penghantar
  - B Penerima menterjemahkan mesej mengikut kefahamannya
  - C Penghantar menghantar dan menerima mesej yang penting
  - D Penghantar mengolah mesej yang dihantar oleh penerima



11. Encik Mustakim mengurusakan sebuah bengkel kereta tanpa dibantu oleh pekerja. Hal ini menyebabkan beliau tidak mempunyai masa untuk melakukan pembayaran bil dan urusan keluar masuk wang.


Apakah aplikasi teknologi yang boleh digunakan oleh Encik Mustakim untuk memudahkan urusannya?

- A Penggunaan e-mel
  - B E-government
  - C E-banking
  - D E-dagang
12. Antara yang berikut, manakah merupakan faktor kemampuan perniagaan untuk kekal berdaya saing dalam pasaran?
- I Politik
  - II Jaringan
  - III Teknologi
  - IV Dasar kerajaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
13. Maklumat yang berikut menunjukkan salah satu proses dalam aliran barang dan perkhidmatan.

❖ Penerimaan invois pembekal dan pembayaran

Bahagian fungsian yang bertanggungjawab melaksanakan ialah bahagian fungsian...

- A jualan
- B kewangan
- C pembelian
- D pengeluaran



14. Maklumat berikut tentang ciri-ciri sejenis barang yang memerlukan saluran agihan dalam aktiviti pengagihannya.

- ✓ Barang tidak tahan lama
- ✓ Perlu tempahan khas

Apakah jenis saluran agihan yang sesuai bagi barang di atas?

- A Pengeluar → pengguna
  - B Pengeluar → peruncit → pengguna
  - C Pengeluar → pemborong → peruncit → pengguna
  - D Pengeluar → ejen → peruncit → pengguna
15. Mengapakah teknologi maklumat penting dalam sesebuah organisasi perniagaan?
- A Mengagihkan barang kepada pengguna
  - B Meningkatkan kuantiti pengeluaran
  - C Memudahkan proses barang dilakukan
  - D Meluaskan pasaran produk

*Soalan Respon Terhadap*

1. a) Apakah peranan bahagian fungsian pengurusan sumber manusia kepada perniagaan? [4 markah ]

---

---

---

---

- b) Bagaimanakah interaksi dan perkaitan bahagian fungsian pengurusan sumber manusia antara perniagaan kecil dengan perniagaan besar? [ 2 markah ]

---

---


- c) Dalam penggunaan teknologi maklumat, kaedah manakah yang boleh digunakan untuk mengaplikasikan maklumat dalam perniagaan? [ 4 markah ]

---


---

---

---



2. Maklumat di bawah menunjukkan tatacara pembelian bahagian pembelian



a) Apakah proses X, Y dan Z dalam bahagian fungsi pembelian. [ 3 markah ]

---

---

---

b) Apakah faktor yang perlu diambil kira untuk memilih pembekal supaya dapat meningkatkan keuntungan perniagaan?. [ 4 markah ]

---

---

---


---

c) Nyatakan tiga peranan yang dijalankan oleh bahagian fungsi pengeluaran. [ 3 markah ]

---


---

---



### ***Soalan Respon Terbuka***

1. *“Encik Razimi merupakan pengarah urusan Gimnasium “The R&Z Gym” di Kuantan. Kegiatan utama perniagaan adalah meningkatkan kecergasan dan kesihatan. Selain itu membentuk bentuk badan yang diinginkan. Beliau ingin membuka cawangan pertamanya di daerah Pekan. Sebagai permulaan, beliau melantik adiknya iaitu Encik Razman sebagai Pegawai Eksekutif. Sebagai ketua cawangan, Encik Razman diminta untuk mencari personel yang sesuai di bahagian kewangan, pembelian, pentadbiran dan pemasaran. Selain itu jurulatih kecergasan diperlukan”.*
  - a) Berdasarkan maklumat tersebut , lakarkan satu carta organisasi. [ 7 markah ]
  - b) Jelaskan peranan tiga bahagian fungsian tersebut [ 8 markah ]



### *Kajian Kes*

Encik Azali merupakan seorang pengusaha kedai makan di Bandar Temerloh. Berbekalkan modal dari simpanan sendiri sebanyak RM30 000 beliau mendaftarkan perniagaan dengan nama Masakan Kampung Azali. Perniagaannya dibantu oleh isteri dan beberapa orang pekerja.

Setelah dua tahun beroperasi, Encik Azali berhasrat untuk mengembangkan lagi perniagaannya. Beliau mengenal pasti dua daerah yang berpotensi untuk diusahakan. Suntikan modal diperlukan. Bilangan pekerja juga perlu ditambah. Setelah berbincang dengan isterinya, Encik Azali membuat keputusan untuk memohon bantuan kewangan dari agensi kerajaan. Ini kerana, agak sukar mendapat kepercayaan dari institusi kewangan untuk mendapatkan pinjaman.

Selepas Encik Azali berjaya membuka dua cawangan kedai makannya, keuntungan yang diharapkan tidak dapat dicapai. Encik Azali berbincang dengan isterinya bagi mengenal pasti faktor-faktor luaran yang telah diabaikan dalam pengurusan perniagaannya. Antara faktor yang telah dikenal pasti ialah persaingan dengan kedai-kedai makan yang berhampiran. Selain itu, menu yang disajikan sangat terhad.

Namun begitu, Encik Azali tidak berputus asa. Beliau menggunakan strategi campuran pemasaran untuk meningkatkan jualan dan keuntungan kedai makannya. Kesannya, strategi yang digunakan oleh Encik Azali berjaya menarik lebih ramai pelanggan datang ke kedainya. Gambar di bawah menunjukkan strategi yang telah digunakan oleh Encik Azali.



Berdasarkan kes di atas, jawab soalan berikut :

- a) Jelaskan bentuk milikan perniagaan yang dijalankan oleh Encik Azali  
[ 6 markah ]
- b) Terangkan dua agensi kerajaan yang boleh membantu Encik Azali menangani masalahnya.  
[ 4 markah ]
- c) Terangkan faktor luaran yang telah diabaikan dalam pengurusan perniagaan Encik Azali.  
[ 4 markah ]
- d) Huraikan elemen campuran pemasaran yang digunakan oleh Encik Azali untuk meningkatkan jualan dan keuntungan perniagaannya.  
[ 6 markah ]

